

**PENDEKATAN AL-QURAN DALAM MENCEGAH
AL-FASAD AL-MALI: APLIKASI DI
SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA**

MOHD ZAINI BIN MD ZAIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**PENDEKATAN AL-QURAN DALAM MENCEGAH
AL-FASAD AL-MALI: APLIKASI DI
SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA**

oleh

MOHD ZAINI BIN MD ZAIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2016

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

02 SEPTEMBER 2016

MOHD ZAINI BIN MD ZAIN
P-HD0015/13(R)

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah SWT kerana memberi nikmat kesihatan, kelapangan masa, idea dan buah fikiran untuk saya menyiapkan kajian ini. Tanpa nikmat ini, sudah pasti tidak saya mampu menukilkannya walau sepetah perkataan.

Jutaan terima kasih saya hulurkan kepada penyelia dan juga sahabat, Yang Berbahagia Dr. Mohd Nizam Sahad, di atas bimbingan, tunjuk ajar, perkongsian ilmu, motivasi dan sumber rujukan yang diberi sepanjang menyiapkan kajian ini. Saya doakan semoga Allah SWT membalasnya dengan ganjaran pahala yang tidak terhingga, diampunkan dosanya dan digolongkannya dalam kalangan orang-orang yang soleh. Tidak lupa kepada Prof. Madya Dr. Jasni Sulong di atas motivasi dan ilmu yang dikongsi. Kepada guru-guru saya dari sekoah rendah sehingga ke menara gading.

Terima kasih tidak terhingga saya hulurkan kepada semua kakitangan SPRM Putrajaya, SPRM Alor Setar dan Pustakawan Perpustakaan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia yang banyak membantu saya menyiapkan kajian ini.

Tidak dilupakan kepada kedua ibubapa yang disayangi, Hj. Md Zain Hj. Awang Putih dan Hj. Fatimah Hj. Ab. Rashid, dan kedua mentua yang tidak putus-putus mendoakan kebahagiaan untuk anak-anaknya. Saya berdoa semoga Allah mencucuri rahmat ke atas mereka berdua, memberi kesihatan yang berpanjangan hingga ke akhirnya.

Kepada isteriku Sopia Md Ariff yang banyak membantuku menguruskan rumahtangga yang tidak mampu saya mentadbirnya berseorangan dan mendidik anak-anak. Kepada anak-anakku Balqis, Salwa, Asma', Muhammad Zaid dan Huda yang menjadi sumber inpirasiku. Semoga Allah SWT membimbing kalian ke jalan yang diredaiNya.

MOHD ZAINI BIN MD ZAIN
Taman Desa Seri Emas
Kuala Nerang
Kedah Darulaman

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI LAMPIRAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
JADUAL TRANSLITERASI	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Soalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Sorotan Literatur	13
1.7 Skop Kajian	19
1.8 Definisi Operational	21
1.9 Metodologi Penyelidikan	22
1.9.1 Metodologi Pengumpulan Data	23
1.9.2 Metodologi Analisa Data	27

BAB 2: KONSEP *AL-FASAD AL-MALI* MENURUT AL-QURAN

2.1 Pengenalan	33
2.2 Pengertian <i>Al-Fasad Al-Mali</i>	33
2.2.1 Pengertian Al-Fasad	34
2.2.2 Pengertian Al-Mal	39
2.2.3 Pengertian Al-Fasad Al-Mali	41
2.3 Dalil Berkaitan <i>Al-Fasad Al-Mali</i>	44
2.3.1 Dalil Daripada Al-Quran	44
2.3.2 Dalil Daripada Hadith Nabi Saw	52
2.3.3 Pandangan Ulama Tentang Al-Fasad Al-Mali	55

2.4 Bentuk-Bentuk <i>Al-Fasad Al-Mali</i>	57
2.4.1 Pandangan Ulama Tentang Bentuk <i>Al-Fasad Al-Mali</i>	57
2.4.2 Perbahasan Tentang Rasuah	62
2.4.2(a) Pengertian Rasuah	62
2.4.2(b) Pandangan Ulama Berkaitan Isu Rasuah	64
2.5 Sebab Berlaku <i>Al-Fasad Al-Mali</i>	68
2.5.1 Faktor Dalaman Individu	73
2.5.2 Faktor Luaran Individu	77
2.6 Kesimpulan	97

BAB 3: PENDEKATAN AL-QURAN DALAM MENCEGAH *AL-FASAD AL-MALI*

3.1 Pengenalan	98
3.2 Konsep Pencegahan <i>Al-Fasad</i> Dalam Islam	99
3.2.1 Asas Islam Dalam Teori Pencegahan	99
3.2.2 Definisi Pencegahan	102
3.2.3 Teori Pencegahan <i>Al-Fasad</i>	103
3.2.4 Kaedah Pensabitan Hukuman	111
3.3 Analisis Ayat Al-Quran Berkaitan Pendekatan Al-Quran Dalam Menangani <i>Al-Fasad Al-Mali</i>	115
3.3.1 Pemilihan Ayat Al-Quran	115
3.3.2 Taburan Ayat-Ayat Al-Quran Tentang Pendekatan Menangani <i>Al-Fasad Al-Mali</i>	116
3.4 Ulasan Ayat Al-Quran Mengenai Pendekatan Mencegah <i>Al-Fasad Al-Mali</i>	121
3.4.1 Aspek Pendidikan Akidah	121
3.4.2 Aspek Pengawalan Masyarakat	147
3.4.3 Aspek Hukuman Dan Rawatan Masyarakat	192
3.5 Pendekatan Dan Kaedah Mencegah <i>Al-Fasad Al-Mali</i> Menurut Al-Quran	202
3.6 Kesimpulan	209

BAB 4: PENDEKATAN SPRM DALAM MENCEGAH RASUAH

4.1 Pengenalan	210
4.2 Latar Belakang SPRM	211
4.2.1 Era Sebelum Kemerdekaan	211
4.2.2 Era Selepas Kemerdekaan	212
4.2.3 Akta SPRM 2009 (Akta 694)	215
4.3 Visi, Misi, Objektif Dan Fungsi SPRM	217

4.4 Strategi SPRM Dalam Mencegah Rasuah	220
4.4.1 Penguatkuasaan (Operation)	221
4.4.2 Pencegahan (Prevention)	228
4.4.3 Pendidikan Masyarakat	238
4.5 Kesimpulan	255
BAB 5: ANALISIS DAPATAN KAJIAN	
5.1 Pengenalan	258
5.2 Pendekatan Analisis yang Dijalankan	258
5.3 Analisis Pendekatan Pencegahan Rasuah SPRM	260
5.3.1 Strategi Penguatkuasaan	261
5.3.2 Strategi Pencegahan	276
5.3.3 Strategi Pendidikan	287
5.5 Kesimpulan	303
BAB 6: PENUTUP	
6.1 Pengenalan	306
6.2 Rumusan	306
6.2 Cadangan	311
RUJUKAN	314
LAMPIRAN	329

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Ayat al-Quran yang mengandungi lafaz <i>al-fasad</i> dari kata dasar <i>fasada</i>
Lampiran B	Ayat al-Quran yang mengandungi lafaz-lafaz yang memberi maksud atau kefahaman yang sama dengan konsep <i>al-fasad al-mali</i>
Lampiran C	Inventori Protokol Temu Bual
Lampiran D	Muka hadapan Laporan Tahunan SPRM 2013
Lampiran E	Muka hadapan Laporan Tahunan SPRM 2012
Lampiran F	Muka hadapan Laporan Tahunan SPRM 2011
Lampiran G	Muka hadapan AKTA SPRM 2009
Lampiran H	Surat kebenaran untuk mengadakan temu bual
Lampiran I	Surat kebenaran menggunakan perpustakaan MACA

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.1	Ayat-ayat berkaitan topik <i>al-fasad al-mali</i>	47
Jadual 3.1	Ayat-ayat al-Quran yang mengandungi lafaz <i>al-fasad</i> dan menjelaskan tentang pendekatan atau kaedah mencegah <i>al-fasad al-mali</i> .	117
Jadual 3.2	Ayat-ayat al-Quran yang mengandungi lafaz-lafaz yang memberi maksud atau kefahaman yang sama dengan konsep <i>al-fasad al-mali</i> dan menjelaskan tentang pendekatan atau kaedah mencegah al-fasad al-mali.	118
Jadual 3.3	Rumusan pendekatan mencegah <i>al-fasad al-mali</i> dalam al-Quran.	120
Jadual 4.1	Program Pendidikan yang dilaksanakan oleh SPRM	239
Jadual 4.2	Kempen pendidikan pencegahan rasuah melalui promosi media	249
Jadual 4.3	Pengisian Program Pendidikan yang dilaksanakan oleh SPRM	253
Jadual 4.4	Topik Pengisian Program Pendidikan yang dilaksanakan oleh SPRM	254

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 3.1	Kerangka Teori Pencegahan <i>Al-Fasad</i> Dalam Islam	114
Rajah 3.2	Pendekatan Mencegah <i>Al-Fasad Al-Mali</i> .	203
Rajah 3.3	Pendekatan Mencegah <i>Al-Fasad Al-Mali</i> Aspek Pendidikan	205
Rajah 3.4	Pendekatan Mencegah <i>Al-Fasad Al-Mali</i> Aspek Pengawalan	207
Rajah 3.5	Pendekatan Mencegah <i>Al-Fasad Al-Mali</i> Aspek Hukuman	208

SENARAI SINGKATAN

Jil.	Jilid
Juz.	Juzuk
Peny.	Penyusun
t.th.	tanpa tahun
t.pt.	tanpa penerbit
t.tp.	tanpa tempat penerbitan
Ed.	Edisi
SAW	<i>Salallah 'Alaihi Wasallam</i>
SWT	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
r.a	<i>radiyallah 'anhu</i>
SPRM	Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia
MACA	<i>Malaysia Anti Corruption Academy</i> [Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia]
BPR	Badan Pencegah Rasuah
BSN	Biro Siasatan Negara
PPO	Penal Penilaian Operasi
JKMR	Jawatan Kuasa Khas Mengenai Rasuah
IBI	<i>Intelligence-Based Investigation</i> [Siasatan Berasaskan Risikan]
BGOS	Bilik Gerakan Operasi Siasatan
e-STK	Sistem Tapisan Keutuhan Elektronik
GLC	<i>Government Link Company</i> [Syarikat Berkaitan Kerajaan]

JKKMKPK	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan
CIP	<i>Corporate Integrity Pledge</i> [Ikrar Integriti Korporat]
BPMP	Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
TPj	Timbalan Pesuruhjaya
KPP	Kertas Pemeriksaan dan Perundingan
IIM	Institut Integriti Malaysia
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
DTF	<i>Delivery Task Force</i> [Pasukan Petugas Penyampaian]
NGO	<i>Non-Government Organisation</i> [Organisasi Bukan Kerajaan]
JKTU	Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus
TURPA	Program Turun Padang
IPMa	Institut Pendidikan MARA
IPT	Institut Pendidikan Tinggi
IPG	Institut Pendidikan Guru
AFBB	Asia Finance Bank Berhad
MARA	Majlis Amanah Rakyat Malaysia
CeIO	Program Pegawai Integriti Bertauliah
SPR	Sekretariat Pencegahan Rasuah

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	c	عبد	°abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لين	laban
م	m	مزمارة	mizmar
ن	n	نوم	nawm

هـ	h	هبط	habata
و	w	وصل	wasala
ي	y	يسار	yasar

Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ	a	فَعَلَ	Fa ^c ala
اِ	i	حَسِبَ	hasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا، آ، إ	a	كاتب، قضا	katib, qada
ي	i	كريم	karim
و	u	حروف	huruf

Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَوْ	aw	قول	qawl
اَيُّ	ay	سيف	sayf
اَيِّ	iyy/i	رجعي	raj ^c iyy / raj ^c i
اَوْ	uww/u	عدو	^c aduww / ^c adu

**PENDEKATAN AL-QURAN DALAM MENCEGAH *AL-FASAD AL-MALI*:
APLIKASI DI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

ABSTRAK

Al-fasad al-mali difahami sebagai perlakuan yang bertentangan dengan syara' dalam pemilikan harta atau perolehan manfaat untuk individu atau kumpulan dan ia boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Al-Quran yang merupakan panduan hidup manusia, telah mengemukakan beberapa kaedah dan pendekatan untuk mencegahnya. Salah satu bentuk *al-fasad al-mali* yang telah berakar umbi dalam sejarah manusia ialah rasuah. Seperti negara-negara lain, Malaysia telah mengambil langkah yang serius dalam mencegah rasuah. Namun, statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan peningkatan dalam kes tangkapan pesalah rasuah di antara tahun 2013 hingga 2015. Justeru, timbul persoalan mengapa berlakunya peningkatan bilangan pesalah rasuah walaupun tindakan pencegahan telah dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM dan membandingkannya dengan cadangan pencegahan *al-fasad al-mali* yang digariskan di dalam al-Quran. Kajian ini menggabungkan dua jenis kajian, iaitu kajian kepustakaan dan kajian tinjauan. Hasil kajian mendapati, terdapat 11 pendekatan pencegahan *al-fasad al-mali* yang disarankan oleh al-Quran dan 8 daripadanya telah diaplikasikan oleh SPRM. Kajian juga mendapati terdapat 3 pendekatan pencegahan yang belum

diaplikasikan oleh SPRM; iaitu saranan supaya melaksanakan pengukuhan pendidikan akidah, pelaksanaan hukuman takzir dan perlantikan penasihat agama dalam organisasi bagi mengimbangi salahlaku rasuah. Diharap kajian ini dapat memberi sumbangan dalam mempelbagaikan bentuk pendekatan mencegah rasuah di Malaysia dan diberi perhatian oleh pihak berwajib.

**QURANIC APPROACHES IN PREVENTING AL-FASAD AL-MALI:
APPLICATIONS IN THE MALAYSIA ANTI-CORRUPTION COMMISSION**

ABSTRACT

Al-fasad al-mali is understood as any acts or conducts of the ownership or acquisition of properties which against to the Islamic Law, that occurred in various types of actions. The Quran is the guidance for the mankind, has outlined a number of methods for fighting *Al-fasad al mali*. One of the *al-fasad al-mali* that deeply rooted in history of mankind is corruption. Like other countries, the government of Malaysia has shown its commitment in fighting corruptions by adopting a number of actions to prevent the problems. Nevertheless, statistics released by the Malaysia Anti-Corruption Commission (MACC) show that the number of corruption offenders in Malaysia rose significantly between 2013 and 2015. This raised a question on why the number of corruption offenders increased, although actions for fighting corruptions were widely adopted. This study aimed to examine the anti-corruption approaches adopted by the MACC by comparing them with the recommendations for fighting corruption as outlined in the Quran. In particular, this study utilised the methods of document review and interviews. The findings indicated that from the total of 11 corruption approaches stated in the Quran, the MACC adopted at least 8 of them. However, the study found that the MACC were not employing 3 set of corruption recommendations as proposed in the Quran, for example:

strengthening the *aqidah* of people, implementing the *ta'zir* laws, and appointing the syari'ah advisors in the certain organisations. This study contributes to better understanding of diversification of corruption preventions from the Islamic perspectives.

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Al-fasad atau gejala kerusakan yang berlaku di atas muka bumi ini, sudah diketahui sejak penciptaan Nabi Adam a.s. lagi. Oleh sebab itulah berlakunya seumpama perbahasan daripada para malaikat tentang penciptaan Nabi Adam,¹ dan mereka memohon penjelasan daripada Allah SWT perihal tujuan dan hikmah penciptaan tersebut,² seperti mana dinukilkan oleh Allah dalam al-Quran. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".³

Al-fasad tersebut berlaku hasil daripada usaha dan tindak-tanduk manusia sendiri yang lalai dan leka sehingga melampaui had-had yang ditetapkan Allah.⁴ Lantaran itu, Allah menguji mereka dengan kerosakan yang berlaku pada harta benda, nyawa dan hasil

¹ Al-Jauziyyah, Ibn al-Qayyim (2006), *Badai' Al-Tafsir*, Arab Saudi: Dar Ibn al-Jauzi, cet.1, jzk.1, h.114.

² Al-Tabari, Ibn Jarir (2001), *Jami' Al-Bayan 'an Takwil Ayi Al-Qur'an*, Kaherah: Hijrun Lil Tiba'ah Wa Al-Nashr Wa Al-Tauzi', cet.1, jzk.1, h.499.

³ Al-Quran, Al-Baqarah 2:30.

⁴ Al-Sha'rawi, Muhammad Mutawali (1991), *Tafsir Al-Sha'rawi*, Akhbar Al-Yaum, jld.18, h.200.

tanaman mereka, sebagai satu pengajaran kepada mereka dan balasan di atas perbuatan mereka.⁵ Firman Allah SWT bermaksud: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”⁶

Sehingga ke hari ini pelbagai jenis dan bentuk *al-fasad* berlaku di sekeliling kita, di daratan dan di lautan, kesan daripada kerakusan tangan-tangan manusia. Menurut Al-Zuhaily, *al-fasad* berlaku dalam banyak bentuk. Ia merangkumi kerosakan jiwa dan nyawa, harta benda, pelanggaran perkara yang diharamkan Allah, kerosakan akhlak, melampaui hak-hak manusia, binatang dan makhluk Allah yang lain.⁷

Al-Susi pula membahagikan *al-fasad* kepada tiga jenis; iaitu *fasad* niat, *fasad* akidah dan *fasad* akhlak.⁸ Manakala Al-Basyir Ali Hamad al-Turabi⁹, berkata *al-fasad* pada pandangan al-Quran terbahagi kepada lima jenis; iaitu *fasad* akidah, *fasad* sosial, *fasad* harta, *fasad* akhlak dan *fasad* alam sekitar. *Fasad* sosial ialah kecatatan, kerosakan atau ancaman terhadap keperluan asas manusia dalam sesebuah masyarakat; seperti makanan, tempat tinggal dan keselamatan. *Fasad* harta (*al-fasad al-mali*) ialah

⁵ Ibn Kathir (2000), *Tafsir Al-Qur'an Al-^cAzim*, Beirut: Dar Ibn Hazmin, cet.1, h.1455.

⁶ Al-Quran, Al-Rom 30:41.

⁷ Al-Zuhaily, Wahbah Mustafa (2003), *Al-Ta^crif Al-Fasad Wa 'Anwa^cuha Min Al-Wajhah Al-Shar^ciyah*, kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Negara Arab Bagi Menangani al-fasad yang diadakan di Universiti Arab Naif, Arab Saudi, h.8.

⁸ Al-Susi, Diya' Nukman (2006), *Al-Fasad Wa Al-Mufsidun: Dirasah Qur'aniyah Maudu^ciyah*, Tesis Master, Universiti Islam Ghaza, h.75.

⁹ Al-Turabi, Al-Basyir Ali Hamad ialah Bekas Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Omdurman, Sudan.

kerosakan dalam urusan berkaitan dengan ekonomi, di mana harta diperolehi melalui cara-cara yang tidak menepati nilai-nilai yang ditetapkan oleh Islam. Manakala *fasad* alam sekitar ialah pencemaran dan kemusnahan alam sekitar yang terhasil dari tindak-tanduk manusia.¹⁰

Dewasa ini, *al-fasad al-mali* (tindakan perolehan harta dengan cara yang haram) di anggap sebagai satu penyakit yang cepat menular dan menjadi fenomena yang mengancam semua negara. Walaupun kadar penularannya berbeza di antara satu negara dengan negara yang lain, namun ia masih menghantui masyarakat kerana ia mengganggu program pembangunan dan kemaslahatan rakyat umum.¹¹

Dalam Islam, urusan berkaitan perolehan harta adalah satu perkara yang penting dan amat dititikberatkan. Oleh sebab itu Islam telah meletakkan penjagaan harta benda sebagai salah satu matlamat utama hukum Islam iaitu “*Maqasid al-Shari’ah*”. Penjagaan harta atau ekonomi adalah tergolong dalam kategori *masalah* asas (*Daruriyyat*) yang dianggap sebagai keperluan asasi yang tidak dapat tidak amat diperlukan oleh setiap manusia.¹²

Oleh sebab pentingnya penjagaan harta dalam Islam daripada berlaku kerosakan dan kemusnahan, maka satu kajian ilmiah yang mendalam tentang pendekatan mencegah *al-fasad al-mali* menurut al-Quran perlu dilakukan. Dengan itu, dapat diketahui cara-cara

¹⁰ Al-Turabi, Al-Basyir Ali Hamad (2005), *Jurnal al-Quran dan Pengajian Islam*, Universiti Islam Omdurman, Sudan, bil. 11, h.99.

¹¹ Ali Khamis Hamdan (2006), *Khafaya Al-Fasad: Ta’rifuhu, Asbabuhu, ‘Atharuhu Al-Mudammarah, Wa Istratijiyyah Muwajahatihi*, San’a: Markaz ‘Iyadi lil Dirasat wa al-Nasyr, cet.1, h.30.

¹² Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd, h.187-189.

untuk mengekang perbuatan dan tindakan yang boleh membawa kepada *al-fasad al-mali*.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Al-Fasad Al-Mali difahami sebagai gejala kerosakan dalam urusan berkaitan dengan ekonomi, di mana harta diperolehi melalui cara yang tidak menepati nilai-nilai yang ditetapkan oleh Islam. Secara umumnya ia melibatkan semua bentuk pemerolehan harta dengan kaedah yang tidak syar'i; seperti mencuri, makan harta anak yatim, berjudi, rasuah, makan riba dan sebagainya. Umum mengetahui bahawa perbuatan ini adalah bertentangan dengan fitrah kejadian manusia yang hidup bermasyarakat dan ia juga adalah perbuatan yang dilarang di dalam Islam.

Setiap larangan di dalam Islam terhadap sesuatu perbuatan akan disertakan dengan kaedah atau cara pencegahannya. Fakta ini dapat dilihat dalam banyak perkara. Sebagai contoh, Islam melarang perbuatan zina, maka di sana terdapat penjelasan tentang kaedah pencegahannya; iaitu orang Islam lelaki dan perempuan wajib menundukkan pandangan terhadap perkara haram, lelaki Islam dilarang berkhawat dengan perempuan yang halal berkahwin, wanita Islam dilarang bertabarruj di hadapan lelaki bukan mahram, berhijab secara sempurna ketika berkomunikasi antara lelaki dan perempuan, lelaki Islam dilarang bersalaman dengan wanita yang bukan mahram, wanita Islam dilarang bermusafir bersendirian tanpa ada mahram dan larangan isteri daripada tidak

meniduri suaminya. Semua ini merupakan kaedah pencegahan zina yang dijelaskan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan sunnah nabi SAW.¹³

Begitu juga larangan Islam terhadap gejala *al-fasad al-mali*, ia disertakan dengan kaedah dan cara pencegahannya. Secara zahirnya, daripada pembacaan al-Quran dan terjemahannya, pengkaji dapat mengesan beberapa pendekatan pencegahan yang praktikal yang disebut oleh Allah SWT dalam al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW bagi mencegah gejala ini. Sebagai contohnya, al-Quran menjelaskan kaedah mencegah jenayah mencuri melalui pendekatan hukuman potong tangan, yang disebut dalam surah al-Maidah ayat 38. Allah SWT juga menggunakan pendekatan mencela orang yang melakukan penyelewengan dalam perniagaan supaya mereka menjauhi perbuatan tersebut, disebut dalam surah al-Mutafifin ayat 2-4. Begitu juga Rasulullah SAW melaknat orang yang melakukan rasuah, samada pemberi rasuah atau penerima rasuah, seperti mana diriwayatkan bahawa Abu Hurairah r.a berkata: “Rasulullah SAW melaknat orang yang memberi dan menerima rasuah dalam penghakiman.”¹⁴

Walaupun begitu, pergantungan kepada terjemahan al-Quran semata-mata dalam memahami pendekatan pencegahan *al-fasad al-mali* adalah tidak tepat. Ini kerana pemahaman sesuatu ayat perlu dirujuk kepada pentafsiran al-Quran yang dilakukan oleh ahli tafsir. Terjemahan al-Quran adalah berbeza dengan pentafsiran al-Quran. Ini kerana tidak mungkin sesuatu terjemahan al-Quran itu dapat dilakukan dengan menjaga gaya

¹³ Mustafa Al-^cAdawi (2000), *Wa La Taqrabu Al-Zina Innahu Fahishah Wa Sa'a Sabila*, Jiddah: Dar Majid ^cUsairi, h. 56-99.

¹⁴ Riwayat Al-Tirmizi, kitab: *Al-Ahkam*, bab: *Ma Ja'a Fi Al-Rashi Wa Al-Murtashi Fi Al-Hukmi*.

bahasa Arab dari segi nahu, balaghah dan hukum syara' dengan tepat.¹⁵ Oleh itu untuk memahami al-Quran, ia perlu kepada pentafsiran yang dilakukan oleh ahli tafsir. Ahli tafsir yang mentafsir al-Quran perlu memenuhi syarat-syarat dan mengikut adab-adab tertentu dalam mentafsir al-Quran. Pentafsiran dilakukan berdasarkan kepada pemahaman *asbab nuzul* ayat, *munasabat* ayat, konsep ayat *mutlaq* dan *muqaiyad*, *mujmal* dan sebagainya.¹⁶ Lantaran itu, pengkaji merasakan bahawa perlunya dilakukan kajian secara *tafsir maudu'ci* terhadap pendekatan pencegahan gejala *al-fasad al-mali* dalam al-Quran.

Di samping itu, pada perspektif global salah satu bentuk *al-fasad al-mali* yang berlaku secara universal dan menyeluruh di dunia ini ialah jenayah rasuah. Menurut Transparency International, penyalahgunaan kuasa dan rasuah terus membinasakan masyarakat di seluruh dunia. Tiada sebuah Negara pun yang bersih daripada jenayah rasuah. Dunia amat memerlukan usaha yang diperbaharui untuk melumpuhkan pengubahan wang haram, membersihkan kewangan politik, meneruskan pemulangan aset dicuri dan membina institusi awam yang lebih telus.¹⁷ Oleh kerana itu, dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada kaedah pencegahan jenayah rasuah yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dan membandingkannya dengan kaedah pencegahan *al-fasad al-mali* di dalam al-Quran.

¹⁵ Al-Zahabi, Muhammad Husin (1995), Kaherah: Maktabah Wahbah, *Al-Tafsir Wa Al-Mufasssirun*, jld.1, h.27.

¹⁶ Al-Sayuti, Jalal Al-din Abdul Rahman (2008) *Al-Itqan Fi 'Ulum Al-Qur'an*, Damsyik: Muassasah Al-Risalah, h.763.

¹⁷ <https://www.transparency.org/cpi2013/results> (9/12/2013).

Dalam konteks Malaysia, terdapat pelbagai cara telah dilakukan oleh kerajaan untuk mencegah dan menangani gejala *al-fasad al-mali*, khususnya berkaitan dengan jenayah rasuah. Pencegahan rasuah diberi penekanan serius oleh Kerajaan Malaysia. Ini dilihat kepada kewujudan institusi khas yang berperanan mencegah rasuah di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang agama rasminya adalah agama Islam, majoriti penduduknya beragama Islam dan diterajui oleh pemimpin yang beragama Islam, telah mula menangani gejala rasuah ini sejak merdeka lagi. Satu institusi khas ditubuhkan untuk mencegah rasuah yang pada mulanya diberi nama Badan Pencegah Rasuah (BPR). Badan ini berkembang dan diperkukuhkan peranannya dari masa ke semasa sehingga akhirnya bertukar kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pertukaran ini telah memberi kuasa yang lebih luas kepada badan tersebut untuk melaksanakan tugas pendidikan dan pencegahan rasuah di Malaysia, di mana ia tertakluk kepada Akta SPRM 2009. Terdapat pelbagai strategi yang dilakukan oleh SPRM dalam mencegah rasuah di Malaysia semenjak ia ditubuhkan pada tahun sebelum merdeka lagi.

Peranan yang dimainkan oleh SPRM ini dikagumi oleh pihak antarabangsa. Ini dapat dilihat kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh pegawai-pegawai di badan-badan antarabangsa terhadap SPRM. Dimitri Vlassis, Ketua Bahagian Jenayah Ekonomi dan Rasuah, Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) berpendapat bahawa Malaysia memberi tumpuan yang serius dalam menangani rasuah,¹⁸ Manakala Paul Lachal Roberts,

¹⁸ Akil Yunus, News Street Times, 7/10/2012.

Penasihat Undang-Undang di Pejabat Anti-Penipuan Eropah (OLAF), menyifatkan penentangan gejala rasuah oleh kerajaan Malaysia sebagai “mengkagumkan”.¹⁹

Walaupun demikian, statistik yang dikeluarkan oleh SPRM menunjukkan bahawa jumlah tangkapan pesalah jenayah rasuah yang dibuat oleh SPRM adalah tidak konsisten. Dari tahun 2011 hingga 2013, jumlah tangkapan menurun iaitu 918 tangkapan pada tahun 2011 kepada 701 pada tahun 2012 dan 509 tangkapan pada tahun 2013. Namun jumlah ini bertambah kepada 552 tangkapan pada tahun 2014 dan 841 tangkapan pada tahun 2015.²⁰ Statistik ini telah menimbulkan satu persepsi bahawa seolah-olah pendekatan pencegahan rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM tidak berkesan. Ia dikuatkan lagi dengan laporan kajian Barometer Rasuah Global pada tahun 2013, termasuk kajian yang dilakukan di Malaysia, mendapati bahawa 54 peratus responden menganggap strategi kerajaan mereka tidak berkesan untuk memerangi rasuah. Peratus ini meningkat berbanding kajian yang sama dilakukan pada tahun 2010/2011 di mana hanya 47 peratus sahaja daripada responden yang ditinjau berpendapat sedemikian.²¹ Manakala menurut laporan terkini Kaji Selidik Penipuan Asia Pasifik Siri 2013 (Asia-Pacific Fraud Survey Report Series 2013) menunjukkan bahawa 44 peratus responden dari Malaysia tidak bersetuju bahawa usaha kerajaan

¹⁹ Paul Lachal Roberts, Penasihat Undang-Undang di Pejabat Anti-Penipuan Eropah (OLAF) dalam Laporan Persidangan Tahunan Persatuan Pencegahan Rasuah Pihak Berkuasa Tahun 2012, 4-7 Okt. 2012, h.165.

²⁰ <http://www.sprm.gov.my/index.php/penguatkuasaan/statistik-operasi/statistik-tangkapan> (9/8/2016).

²¹ Deborah Hardoon dan Finn Heinrich (2013), *Global Corruption Barometer 2013*, Transparency International, dalam <http://www.transparency.org> (21/12/2015)

menentang rasuah mempunyai impak yang besar kepada tahap rasuah di Malaysia.²²

Laporan ini seolah-olah membenarkan persepsi di atas.

Ekoran daripada itu, timbul satu persoalan kepada pengkaji apakah sebenarnya strategi dan pendekatan yang dilakukan oleh SPRM dalam mencegah rasuah. Adakah ia bertepatan dengan pendekatan yang disarankan di dalam al-Quran. Ini kerana setiap pendekatan yang bertepatan dengan perintah yang terdapat di dalam al-Quran seharusnya memberi kesan yang baik dan positif. Oleh itu, pengkaji merasakan perlu ada satu kajian untuk melihat perbandingan di antara pendekatan yang dilaksanakan oleh SPRM dalam mencegah rasuah dengan pendekatan yang dicadangkan di dalam al-Quran.

Kajian ini akan melingkari persoalan berikut; apakah langkah pendidikan yang dilakukan oleh pihak berkuasa bagi menangani rasuah? Apakah langkah pencegahan yang dilakukan oleh pihak berkuasa bagi menangani rasuah? Adakah langkah-langkah tersebut bertepatan dengan pendekatan yang dianjurkan oleh Al-Quran? Apakah langkah pendidikan yang dianjurkan oleh al-Quran? Apakah langkah pencegahan yang dianjurkan oleh al-Quran? Apakah prosedur pendidikan dan pencegahan tersebut? Apakah penekanan pendidikan dan pencegahan yang diberikan bagi menangani rasuah? Adakah ia bersifat lahiriah (jasmaniah) semata-mata atau bersifat lahiriah dan batiniyah (rohaniah)? Diharap kajian ini dapat menemukan satu pendekatan yang praktikal dalam mencegah rasuah yang berlaku dalam masyarakat dengan berpandukan sinar al-Quran.

²² Chris Fordham (2013), *Building a More Ethical Business Environment*, Asia-Pacific Fraud Survey 2013, lihat: <http://www.ey.com/AU/en/Services/Assurance/Fraud-Investigation---Dispute-Services/Asia-Pacific-Fraud-Survey-Report-Series-2013> (21/12/2015)

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif yang tertentu. Antara objektif tersebut adalah seperti berikut:

1. Menganalisa konsep *al-fasad al-mali* yang terdapat di dalam al-Quran al-Karim.
2. Menganalisa ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan *al-fasad al-mali* dan membentuk pendekatan dan kaedah untuk mencegahnya.
3. Menganalisa pendekatan pencegahan rasuah yang diamalkan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
4. Membandingkan pendekatan pencegahan rasuah yang diamalkan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan perbahasan nas-nas al-Quran .

1.4 SOALAN KAJIAN

Untuk mencapai objektif yang digariskan, beberapa soalan kajian yang berhubung dengan ayat-ayat *al-fasad al-mali* dikemukakan seperti berikut:

1. Apakah maksud sebenar *al-fasad al-mali* yang dikehendaki dalam al-Quran?
2. Apakah dalil-dalil dari al-Quran dan hadith Nabi SAW yang menjelaskan konsep *al-fasad al-mali*?
3. Apakah jenis-jenis *al-fasad al-mali* mengikut pandangan al-Quran?

4. Apakah sebab-sebab berlakunya *al-fasad al-mali* yang dijelaskan oleh al-Quran?
5. Apakah kesan *al-fasad al-mali* kepada manusia dan dunia Islam?
6. Apakah ayat-ayat al-Quran yang mendasari *manhaj* al-Quran dalam menangani *al-fasad al-mali*?
7. Apakah pandangan ulama *mufassirin* dan *muhadithin* tentang ayat-ayat dan hadith-hadith tersebut?
8. Apakah kaedah dan pendekatan yang disuruh oleh al-Quran untuk menangani masalah *al-fasad al-mali* ?
9. Apakah latar belakang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia?
10. Apakah pendekatan dan kaedah pencegahan rasuah yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia?
11. Membandingkan kaedah dan pendekatan membasmi rasuah yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan al-Quran dan hadith.
12. Apakah kaedah dan pendekatan yang dianjurkan oleh al-Quran tetapi tidak dilaksanakan oleh SPRM?
13. Apakah kaedah dan pendekatan yang dilaksanakan oleh SPRM tetapi tidak dianjurkan oleh al-Quran?
14. Apakah cadangan kaedah dan pendekatan yang mantap dan mapan bagi menangani masalah rasuah?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting dan perlu dilakukan berdasarkan beberapa justifikasi:

1. Kajian ini penting untuk mengetahui kaedah dan pendekatan al-Quran dalam menangani masalah *al-fasad al-mali* dan mencadangkan pengaplikasiannya kepada masyarakat dan badan-badan yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah sosial.
2. Kajian ini penting untuk mengetahui kaedah dan pendekatan SPRM dalam menangani masalah rasuah dan melihat ketepatannya dengan kaedah yang dianjurkan oleh al-Quran.
3. Kajian ini penting untuk menjana kaedah dan pendekatan khusus dalam mencegah masalah rasuah dan penyelewengan kuasa. Hal ini dapat dijadikan garis panduan kepada organisasi-organisasi pengurusan bagi mengelak dari terlibat dengan gejala rasuah dan penyelewengan kuasa. Dalam masa yang sama membantu pihak berkuasa SPRM mengawal jenayah rasuah yang berlaku.
4. Kajian ini juga penting bagi membantu masyarakat memahami aktiviti-aktiviti yang diharuskan oleh Islam dalam mencari rezeki dan memperbanyakkan harta kekayaan, dan mengelak diri dari terjebak dengan aktiviti haram yang mengundang kebencian Allah dan RasulNya.

1.6 SOROTAN LITERATUR

Pengkaji melihat kajian terdahulu ini dari dua skop; pertama: skop kajian ilmiah atau penulisan ilmiah yang berkaitan dengan hakikat *al-fasad al-mali* dalam al-Quran, kedua: skop kajian ilmiah yang berkaitan dengan gejala rasuah.

Bagi skop pertama, melalui tinjauan dan penelitian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kajian dan penyelidikan berkaitan dengan *al-fasad* dan *al-fasad al-mali wa al-Idari* dalam al-Quran yang telah dilakukan sebelum ini. Walaupun demikian, pengkaji mendapati bahawa skop kajian bagi kajian-kajian lepas adalah berbeza dengan kajian yang dicadangkan oleh pengkaji.

Pertama, Kajian yang hampir sama dengan kajian pengkaji adalah kajian yang dilakukan oleh Abdullah bin Nasir Ali Ghasob yang bertajuk “*Manhaj al-Shari^cah al-Islamiyyah fi Himayah al-Mujtama^c min al-Fasad al-Mali wa al-Idari: Dirasah Ta’siliyah Muqaranah Tadbiqiyah.*”. Ia adalah sebuah tesis peringkat Ijazah Sarjana (Master), Pengkhususan Politik Jenayah, Bahagian Keadilan Jenayah, Kuliah Pengajian Tinggi, Universiti Arab Naif, Riyadh, Arab Saudi, di bawah penyeliaan Prof. Dr. Ali Muhammad Hussain Hamad yang lulus pada tahun 2008M/ 1429H. Abdullah telah membincangkan pendekatan Syariah Islam dalam menjaga masyarakat dari terjebak dengan gejala *al-fasad al-mali* dan *al-idari*. Mengikut pengamatan pengkaji, kajian ini menggunakan pendekatan perbandingan (*muqaranah*), iaitu membandingkan pendekatan Syariah Islam dengan pendekatan undang-undang Arab Saudi dalam menangani gejala *al-fasad al-mali* dan *al-idari*. Perbincangan dalam kajian ini dibahagikan kepada lima fasal. Fasal pertama menjelaskan pengertian *al-fasad al-mali*

dan *al-idari*. Disusuli dengan perbincangan tentang proses pencegahan dari *al-fasad al-mali* dan *al-idari* pada pandangan fiqh Islam dan undang-undang Arab Saudi. Fasal ketiga menjelaskan tentang kawalan yang dilakukan bagi mengelak *al-fasad al-mali* dan *al-idari* dari pandangan fiqh Islam dan undang-undang Arab Saudi. Fasal keempat ia membincangkan tentang kuasa badan-badan khas untuk menjaga masyarakat dari *al-fasad al-mali* dan *al-idari* ; seperti badan hisbah dan kehakiman. Fasal akhir dilakukan kajian lapangan tentang kes-kes *al-fasad al-mali* dan *al-idari* yang pernah berlaku dan dihakimi oleh badan perundangan Arab Saudi serta hukuman yang dikenakan kepada kesalahan-kesalahan tersebut.

Perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji ialah pengkaji membahaskan pendekatan al-Quran dalam menangani *al-fasad al-mali* dan disusuli dengan kajian lapangan di SPRM untuk melihat pendekatannya dalam menangani rasuah di Malaysia. Sedangkan kajian di atas membahaskan pendekatan undang-undang Islam (Fiqh Islami) dalam menangani *al-fasad al-mali dan idari*, dan dibandingkan dengan undang-undang semasa Arab Saudi.

Di samping itu, fokus kajian pengkaji ialah bidang pengkajian al-Quran, iaitu mengkaji ayat-ayat al-Quran bagi mengeluarkan kaedah dan pendekatan menangani *al-fasad al-mali*. Sedangkan kajian di atas fokus kajiannya ialah bidang perundangan, iaitu membandingkan pendekatan undang-undang Islam dan undang-undang Arab Saudi dalam menangani *al-fasad al-mali dan idari*.

Kedua, kajian yang dilakukan oleh Dhiyai Nukman al-Susi dengan tajuk “*Al-Fasad Wa Al-Mufsidun: Dirasah Maudu‘iyyah Qur’aniyyah*”. Ia adalah Tesis Sarjana, Bahagian

Tafsir dan Ulum al-Quran, Kuliah Usuluddin, Bahagian Pengajian Tinggi, Universiti Islam Gaza yang lulus pada tahun 2006M. Kajian ini menggunakan pendekatan *mawdu'î* (bertajuk) yang memberi fokus terhadap ayat-ayat al-Quran yang menyentuh tentang *al-fasad* dan *al-mufsidun*. Secara keseluruhannya, ia menjelaskan secara terperinci tentang konsep *al-fasad* menurut al-Quran dengan kupasan yang menyeluruh mengenai konsep *al-fasad*, sebab berlaku *al-fasad*, jenis-jenis *al-fasad* dan pendekatan al-Quran untuk mencegah *al-fasad*.

Kajian ini sama sekali tidak menyamai kajian yang dicadangkan oleh pengkaji kerana ia berbentuk kajian *mawdu'î* sedangkan fokus kajian pengkaji adalah analisis ayat-ayat al-Quran tentang kaedah mengatasi *fasad al-mal* serta kajian lapangan terhadap pendekatan dan kaedah mengatasi rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM.

Kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji dari sudut pendekatan. Pengkaji menggunakan pendekatan kajian lapangan manakala kajian ini adalah kajian kepustakaan secara total. Di samping itu, fokus kajian pengkaji ialah kepada pendekatan al-Quran dalam menangani *al-fasad al-mali*, sedangkan kajian ini membahaskan konsep *al-fasad* secara menyeluruh.

Ketiga, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Maksum Sarkar yang bertajuk “*‘Awamil Al-Fasad Al-Iqtisadi Wa Subul Al-Wiqayah Minha: Dirasah Tahliliyyah Fi Daw’i Al-Qur’an*”. Ia adalah Disertasi Sarjana, Bahagian al-Quran dan al-Sunnah, Kuliah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang lulus pada tahun 2008M.

Kajian ini berbentuk kajian analisis teks-teks al-Quran. Ia membincangkan tentang faktor-faktor kerosakan ekonomi yang terdapat dalam al-Quran dan menerangkan cara-cara yang digariskan oleh al-Quran untuk mencegah dari berlakunya kerosakan tersebut. Muhammad Maksum menggunakan dua pendekatan dalam kajian ini, iaitu pendekatan induktif dan analitik. Pendekatan induktif digunakan untuk mengkaji ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi SAW yang mempunyai kaitan dengan topik perbincangan. Manakala pendekatan kedua digunakan oleh Muhammad Maksum untuk menganalisa ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith dalam usaha untuk menerangkan kesan *al-fasad* dan mengeluarkan kaedah dan cara yang dianjurkan oleh al-Quran untuk menjaga ekonomi dari faktor-faktor yang merosakkan.

Kajian ini berbeza dengan kajian yang dicadangkan oleh pengkaji kerana skop perbincangan tentang kerosakan ekonomi adalah lebih luas dari kerosakan harta (*fasad al-mal*). Di samping itu, kajian yang dicadangkan oleh pengkaji adalah berbentuk kajian lapangan, sedangkan kajian ini adalah kajian kepustakaan.

Keempat, kajian di peringkat Sarjana (Master) yang dilakukan oleh Abdul Majid Hamd al-Harashyiah bertajuk "*Al-Fasad Al-Idari: Dirasaha Maidaniyyah Li Wajhati Nazar Al-^cAmilin Fi Ajhizati Mukafahah Al-Fasad Al-Idari Fi Al-Qita^c Al-Hukumi Al-Urduni*", dari Bahagian Pentadbiran Awam, Kuliah Ekonomi dan Sains Pentadbiran, Universiti Yarmuk, Jordan, lulus pada tahun 2003M. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sebab berlakunya *fasad al-idari* dan tahap keseriusannya di agensi kerajaan negara Jordan. Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa sebab berlakunya *fasad al-idari* ialah berlakunya gejala rasuah, penyelewengan dan penggunaan harta awam untuk kepentingan peribadi. Namun tahap keseriusannya adalah sederhana.

Pada pemerhatian pengkaji, kajian ini tidak sama dengan kajian yang dicadangkan oleh pengkaji yang memfokuskan kepada analisis ayat-ayat al-Quran tentang kaedah mengatasi *fasad al-mal* serta kajian lapangan terhadap pendekatan dan kaedah mengatasi rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM.

Kelima, kajian yang dilakukan oleh Aiman Faruq Soleh Za'rab yang bertajuk "*Istighlal Al-Wazifah Fi Al-'Itida' Ala Al-Mal Al-'Am Fi Al-Fiqh Al-Islami*" iaitu kajian peringkat Sarjana (Master) Bahagian Fiqh Muqaran, Kuliah Syariah dan Qanun, Universiti Islam Gaza lulus pada tahun 2007M/1428H. Kajian ini memfokuskan kepada perbahasan tentang penyalahgunaan jawatan bagi mendapatkan harta awam pada pandangan Fiqh Islam. Ia berbeza sama sekali dengan kajian yang dicadangkan oleh pengkaji yang memfokuskan kepada analisis ayat-ayat al-Quran tentang kaedah mengatasi *fasad al-mal* serta kajian lapangan terhadap pendekatan dan kaedah mengatasi rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM.

Keenam, seterusnya kajian yang dilakukan oleh Aiman Khamis Umar Hamad yang bertajuk "*Ahkam Al-Yatim Al-Maliyyah Fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah Wa Tatbiqatuha Fi Al-Mahakim Al-Shar'iyah*". Ia merupakan kajian peringkat Sarjana dari Bahagian Kehakiman Syar'i, Kuliah Syariah dan Qanun, Universiti Islam Gaza yang lulus pada tahun 2009M. Kajian ini hanya membahaskan tentang hukum-hukum berkaitan harta anak yatim pada pandangan perundangan Islam. Ia berbeza dengan kajian yang dicadangkan oleh pengkaji yang memfokuskan kepada analisis ayat-ayat al-Quran tentang kaedah mengatasi *fasad al-mal* serta kajian lapangan terhadap pendekatan dan kaedah mengatasi rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM.

Manakala skop kedua, kajian ilmiah yang berkaitan dengan gejala rasuah, pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian lepas yang telah membahaskan tentang rasuah. Di antara kajian-kajian lepas tersebut ialah:

Pertama, kajian yang dilakukan oleh Kamarudin bin Arim di peringkat Sarjana (Master) bertajuk “*Korupsi Dan Pembangunan: Kajian Kes Tentang Rasuah Di Malaysia*” dalam bidang Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya lulus pada tahun 2004M. Dalam kajian ini, Kamarudin cuba melihat pertalian di antara pembangunan dan rasuah di dalam aktiviti pembangunan di Malaysia. Di samping menjelaskan sejauhmanakah ketelusan yang diperaktikkan oleh Badan Pencegah Rasuah dan badan kehakiman dalam usaha menangani masalah rasuah. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kuantitatif dengan diedarkan soalan kaji selidik kepada 173 orang kaki tangan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 68.8% responden bersetuju bahawa terdapat pertalian yang erat antara pembangunan dan rasuah dalam aktiviti pembangunan di Malaysia. Kajian ini juga mendapati bahawa Badan Pencegah Rasuah masih dipengaruhi oleh golongan politik dalam membuat keputusan dan ada responden yang mencadangkan supaya badan ini tidak diletak di bawah parlimen, tetapi dijadikan badan khas yang berkecuali.

Pada pengamatan pengkaji kajian ini tidak sama dengan kajian yang dicadangkan oleh pengkaji kerana objektif kajian berbeza. Kajian pengkaji adalah memfokuskan kepada analisis ayat-ayat al-Quran tentang kaedah mengatasi *fasad al-mal* serta kajian lapangan terhadap pendekatan dan kaedah mengatasi rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM.

Kedua, kajian peringkat Sarjana Undang-Undang Jenayah Islam, Bahagian Keadilan Jenayah, Pusat Pengajian Tinggi, Universiti Arab Naif yang dilakukan oleh Ibrahim bin Soleh bertajuk “*Al-Tadabir Al-Waqiyyah Min Jarimah Al-Rashwah Fi Al-Shari‘ah Al-Islamiyyah: Dirasah Tatbiqiyyah Fi Al-Mamlakah Al-‘Arabiyah Al-Sa‘udiyah*” yang lulus pada tahun 2003M. Pada keseluruhannya, kajian ini membahaskan langkah-langkah pencegahan gejala rasuah dari segi perundangan Islam dan kajian perlaksanaannya di Negera Arab Saudi. Kajian ini juga telah mendahului perbahasan dengan jelas tentang beberapa perkara seperti konsep rasuah, pembahagian rasuah dan pendekatan syara’ dalam menangani rasuah.

Kajian ini sama sekali tidak menyamai dengan kajian yang dicadangkan oleh pengkaji kerana kajian lapangannya dilaksanakan di negara Arab Saudi dengan melihat kepada perundangan Arab Saudi dalam menangani rasuah, sedangkan pengkaji akan melakukan kajian lapangan di Malaysia dengan memfokuskan kepada pendekatan dan kaedah yang dilaksanakan oleh SPRM dalam menangani rasuah. Jelaslah di sini bahawa terdapat perbezaan kajian ini dengan kajian-kajian lepas. Sungguhpun sedemikian kajian-kajian lepas tersebut dapat memberi gambaran kepada pengkaji dalam merangka landasan teori dan penggunaan metodologi yang bersesuaian untuk kajian ini.

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini adalah kajian tematik akan memfokuskan perbahasan mengenai konsep *al-fasad al-mali* dan kaedah menanganinya dalam al-Quran al-Karim. Al-Quran dipilih dalam kajian ini kerana ia merupakan sumber pertama syariat Islam dan rujukan utama umat Islam dalam memilih arah perjalanan hidup di dunia ini. Proses ini akan memberi

tumpuan terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Quran yang dilakukan oleh para ulama *mufassirin* dalam kitab-kitab tafsir muktabar seperti tafsir *al-Tabari*, tafsir *Ibn Kathir*, tafsir *Dur al-Manthur*, tafsir *al-Qurtubi*, tafsir *Ruh al-Ma'ani*, tafsir *al-Razi*, tafsir *Tha'rawi*, tafsir *Tha'alabi*, tafsir *al-Munir* dan lain-lain. Perbahasan mengenai hadith Nabi SAW juga akan dilakukan sekiranya perlu untuk menyokong ayat-ayat al-Quran yang dihuraikan.

Manakala skop kajian yang kedua adalah kajian terhadap aplikasi kaedah dan pendekatan mencegah rasuah yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pemilihan aspek pencegahan jenayah rasuah dalam kajian ini, berbanding aspek pencegahan jenayah-jenayah lain dalam *al-fasad al-mali* adalah bagi meneliti dengan mendalam terhadap pendekatan pencegahan yang dilaksanakan oleh SPRM. Ini kerana SPRM merupakan satu-satunya badan yang melakukan tugas khusus mencegah jenayah rasuah di Malaysia. Dengan itu, aspek pencegahan jenayah-jenayah *al-fasad al-mali* yang lain adalah diluar skop kajian ini. Di samping itu, kajian tentang keberkesanan pendekatan yang dilaksanakan oleh SPRM dalam mencegah rasuah di Malaysia juga adalah diluar skop kajian ini. Begitu juga kajian ini tidak akan membincangkan tentang akta-akta yang menyokong pelaksanaan bidang kuasa SPRM. Ini kerana ia adalah diluar skop kajian tentang pendekatan pencegahan rasuah.

1.8 DEFINISI OPERATIONAL

Pendekatan: menurut Kamus Dewan edisi keempat, pendekatan diertikan sebagai kaedah, cara, langkah-langkah, dan sebagainya yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas mengatasi sesuatu masalah.²³

Mencegah: menurut Kamus Dewan edisi keempat, mencegah diertikan sebagai menghalang, menegah dan menolak sesuatu daripada berlaku. Atau mengikhtiarkan supaya sesuatu itu jangan berlaku.²⁴

Al-fasad dari segi bahasa ialah kata nama terbitan dari perkataan *fasada* dalam bahasa Arab yang bermaksud rosak atau kerosakan, iaitu lawan bagi perkataan *al-solah* (kebaikan)²⁵. Maksudnya sesuatu yang berubah dari keadaan yang selamat, dan keluar dari keadaan yang sebenar. dan ia digunakan untuk merujuk kepada semua perkara yang terkeluar dari landasan atau peraturan yang benar dan lurus.²⁶

Al-fasad al-mali : ialah salah penggunaan atau pengurusan harta awam untuk kepentingan individu atau salah menukar ganti harta atau wang dengan perkhidmatan atau keputusan tertentu.²⁷

Al-fasad al-mali yang dimaksudkan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah segala bentuk salah laku, tindakan atau penyelewengan dalam memperolehi dan memiliki harta. Kesan

²³ Kamus Dewan edisi keempat.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Ibn. Manzur (t.t), *Lisan al-Arab*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, h. 3412.

²⁶ Nazih Hammad (2008), *Mu'jam Al-Mustalahat Al-Maliyyah Wa Al-Iqtisadiyah Fi Lughah Al-Fuqaha'*, Damsyik: Dar al-Qalam, cet.1, h.352.

²⁷ Ali Ahmad Sulaiman (1998), *Qamus Al-Mutalahat Al-Iqtisadiyah*, al-Khortom Sudan: al-Maktabah al-akadamiyyah, cet.1, h. 51.

dari itu akan mengakibatkan pihak lain mengalami kerugian, ketidakadilan dan kemusnahan.

Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) ialah merujuk kepada badan bebas yang diberi kuasa perundangan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (akta 694) untuk menyasat dan mencegah sebarang bentuk perlakuan rasuah serta salahguna kuasa.

Setiap perkataan yang didefinikan di atas dan disebut oleh pengkaji dalam kajian ini adalah merujuk kepada makna yang dijelaskan.

1.9 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian yang dijalankan ini adalah gabungan dua jenis kajian, iaitu kajian kepustakaan dan kajian tinjauan yang akan menjadikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai responden untuk dijalankan kajian. Kajian kepustakaan melibatkan penyediaan maklumat atau data bagi bab pertama, kedua dan ketiga. Manakala kajian tinjauan melibatkan penyediaan maklumat atau data bagi bab keempat sebagai sokongan yang menguatkan data kepustakaan. Kajian tinjauan ini menyediakan maklumat yang diambil secara terus daripada responden yang merupakan pegawai-pegawai yang bertugas di SPRM.

Penggunaan metodologi yang tepat adalah sangat mustahak bagi memperolehi data yang benar dan memproses data dengan mudah. Justeru, pengkaji menjelaskan dengan teliti Metodologi Pengumpulan Data dan Metodologi Analisis Data yang telah digunakan dalam kajian ini.

1.9.1 Metodologi Pengumpulan Data

1.9.1.1 Metode Kepustakaan

Metode ini merujuk kepada penggunaan bahan-bahan kajian yang terdapat di dalam perpustakaan yang berbentuk tesis-tesis, disertasi, kajian ilmiah dan jurnal-jurnal terpilih. Metode ini digunakan oleh pengkaji dalam membentuk rangka kajian dengan melihat kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik atau tajuk kajian ini dan meneliti kandungan perbahasan yang dilakukan oleh pengkaji lepas. Melalui penelitian itu, pengkaji memperolehi maklumat berkaitan dengan kajian-kajian yang telah dijalankan serta pengkaji dapat mengesan kelebihan dan kekurangan kajian-kajian tersebut. Dari situ, pengkaji akan menjelaskan maklumat tentang kajian yang belum dijalankan dan patut dilaksanakan. Perbahasan ini dijelaskan oleh pengkaji pada bahagian sorotan literatur.

Untuk mendapatkan data mengenai kajian ini, penulis menggunakan beberapa buah perpustakaan, antaranya ialah :

1. Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia.
2. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
4. Perpustakaan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia.

Di samping itu, metode ini juga digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan kitab-kitab tafsir al-Quran, syarah-syarah hadith Rasulullah SAW dan kitab-kitab ilmiah agama Islam yang lain. Ia digunakan oleh pengkaji dalam meneliti makna dan maksud

ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah SAW yang berkaitan dengan topik kajian. Daripada penelitian tersebut, pengkaji merumuskan pendekatan-pendekatan yang disarankan oleh al-Quran dan hadith bagi topik kajian yang dibincangkan. Metode pengumpulan data jenis ini digunakan oleh pengkaji bagi menyelesaikan perbincangan bagi bab kedua dan ketiga yang membincangkan persoalan konsep *al-fasad al-mali* menurut al-Quran dan penganalisaan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan *al-fasad al-mali*.

1.9.1.2 Metode Analisis Dokumentasi

Data-data yang berbentuk dokumentasi merujuk kepada bahan-bahan berbentuk dokumen seperti dokumen-dokumen sejarah, laporan statistik, rekod institusi atau organisasi serta laporan atau rekod pentadbiran.²⁸ Pengkaji menggunakan metode analisis dokumen bagi tujuan memperolehi data tentang kaedah dan pendekatan mencegah rasuah yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Metode ini menghendaki pengkaji mengkaji dokumen-dokumen perancangan dan pengaplikasian kaedah dan pendekatan menangani rasuah yang telah dijalankan oleh SPRM. Ini dilakukan dengan membuat penelitian terhadap dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh pihak SPRM; seperti laporan tahunan SPRM, profil koperat SPRM, hasil-hasil kajian yang terdapat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Buletin Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), kenyataan akhbar oleh pihak pengurusan SPRM, ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, SPRM *E-Newsletter* dan laporan-laporan akhbar tempatan.

²⁸ Ahmad Sunawari Long (2009), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Jabatan Usuluddin Fakulti Pengajian Islam UKM, h. 51.